



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 20 NOVEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM PANTAU JETI LKIM, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	LKIM JETTIES UNDER WATCH FOR FOREIGN CONTROL, NATION, THE STAR, M/S – 4	
3.	ELAK JETI DIKUASAI KAPAL ASING, DEWAN RAKYAT, HARIAN METRO, M/S – 16	
4.	LKIM TIDAK BENAR JETI PENDARATAN DIMONOPOLI PIHAK TERTENTU – MAT SABU, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 4	
5.	AGROBANK TAJA GRADUAN CEMERLANG UNISIRAJ, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 23	AGROBANK
6.	SELANGOR TO EXPAND LAND FOR AGRICULTURE, IMPROVE CROP PRODUCTION, NEWS, THE STAR, M/S – 4	LAIN – LAIN
7.	PROJECT MODERNISES SABAH AGRICULTURE, NATIONAL, THE SUN, M/S – 6	
8.	FENOMENA PELIK SUNGAI CETEK SEMASA TENGGUJUH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	
9.	TERENGGANU SASAR JADI HAB EKSPORT HASIL TANI, SIDANG DUN TERENGGANU, HAKAH, M/S – 14	
10.	REVOLUSI AKUAKULTUR DAN TEKNOLOGI HIJAU DANAU TO' UBAN, BULETIN DARULNAIM, HAKAH, M/S – 8	
11.	MALAYSIA CADANG DULU, INDONESIA DAKWA LEBIH LAYAK, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 2	
12.	TPM SARAN PERTINGKAT KERJASAMA DENGAN AHLI PERNIAGAAN CHINA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 3	
13.	KUALITI BUAH LEBIH PENTING BERBANDING DATA PENGELUARAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 3	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

KPKM pantau jeti LKIM

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melakukan pemantauan rapi ke atas semua jeti Lembaga Kema-juan Ikan Malaysia (LKIM) bagi memastikan ia tidak dikuasai oleh kapal asing.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu menegaskan KPKM turut mengambil serius sebarang aduan membabitkan penyalahgunaan jeti oleh bot dan syarikat swasta.

"Bukan jawapan hendak melepaskan diri, nak ambil perhatian, ambil tindakan, tetapi kita buat secara bersungguh-sungguh.

"Ia bagi memastikan jeti LKIM berfungsi dengan baik dan dapat dimanfaatkan terutama oleh nelayan-nelayan kecil. Itulah yang kita cuba buat sekarang," katanya ketika Sesi Jawab Lisan di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng (BN-Tanjung Piai) mengenai dasar dan penguatkuasaan KPKM untuk memastikan jeti LKIM tidak dikuasai oleh kapal asing atau syarikat swasta.

Mohamad berkata, ketika ini terdapat sebanyak 505 jeti pen-
daratan ikan LKIM yang beroperasi secara tradisional di se-
luruh negara.

LKIM jetties under watch for foreign control

KUALA LUMPUR: All jetties under the Fisheries Development Board (LKIM) are being closely monitored to prevent them from being taken over by foreign vessels, says Datuk Seri Mohamad Sabu (*pic*).



The Agriculture and Food Security Minister said the ministry takes seriously any complaints involving the misuse of jetties by private boats or companies.

"This is not an attempt to evade responsibility.

"It is to ensure LKIM jetties function properly and can be fully utilised, especially by small-scale fishermen," he said during the oral question session.

Mohamad was responding to a supplementary question from Datuk Seri Dr Wee Jock Seng (BN-Tanjong Piai) who asked about the measures that the ministry is taking to ensure that jetties of LKIM are managed transparently and inclusively, preventing monopolisation by specific parties and ensuring fair access for small-scale fishermen and local enterprises.

At present, Mohamad said there are 505 LKIM fish-landing jetties nationwide operating under conventional management.

He added that management of these jetties is under the purview of local fishermen's associations or committees at each base.

Mohamad also emphasised that LKIM does not permit any party to monopolise jetty facilities, including leasing them out to private entities.

20/11/2025

HARIAN
METRODEWAN
RAKYAT

16

Elak jeti dikuasai kapal asing

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melakukan pemantauan rapi ke atas semua jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi memastikan ia tidak dikuasai oleh kapal asing.

Menterinya, **Datuk Seri Mohamad Sabu**, menegaskan KPKM turut mengambil serius sebarang aduan membabitkan penyalahgunaan jeti oleh bot dan syarikat swasta.

"Bukan jawapan hendak melepas diri, nak ambil perhatian, ambil tindakan, tapi kita buat secara ber-sungguh-sungguh."

"Ia bagi memastikan jeti LKIM berfungsi dengan

baik dan dapat dimanfaatkan terutama oleh nelayan-nelayan kecil. Itulah yang kita cuba buat sekarang ini," katanya ketika sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Dr.**

Wee Jock Seng (BN-Tanjong Piai) mengenai dasar dan penguatkuasaan KPKM untuk memastikan jeti LKIM tidak dikuasai oleh kapal asing atau syarikat swasta.

Mohamad, berkata ketika ini terdapat 505 buah jeti pendaratan ikan LKIM yang beroperasi secara tradisional di seluruh negara.

Katanya, pengurusan keseluruhan jeti itu dikawal selia

oleh Persatuan Nelayan (PN) atau Jawatankuasa di peringkat pangkalan masing-masing yang dianggotai oleh nelayan dari kawasan berkenaan.

"Mekanisme pemantauan sedia ada membabitkan kerjasama antara LKIM Negeri, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dan pihak berkuasa tempatan untuk mengesan serta mengambil tindakan terhadap aduan berhubung penguasaan atau amalan yang menekan perusahaan kecil.

"Buat masa ini, mekanisme pemantauan sedia ada dilihat sebagai langkah yang lebih praktikal dan ce-
pat untuk dilaksanakan," katanya.



TERDAPAT 505 buah jeti pendaratan ikan LKIM yang beroperasi secara tradisional di seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	4

LKIM tidak benar jeti pendaratan dimonopoli pihak tertentu – Mat Sabu

KUALA LUMPUR - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tidak membenarkan mana-mana pihak untuk memonopoli sebarang kemudahan jeti pendaratan

tan seperti memberi sewa kepada pihak swasta dan sebagainya.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, usaha ini bagi bagi memastikan kepenggunaan jeti pendaratan ikan lembaga berkenaan dapat dinikmati oleh semua nelayan setempat secara saksama.

“Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui LKIM berperanan menyediakan dan mengurus infrastruktur pendaratan ikan bagi menyokong industri perikanan negara dengan membina dan menyelenggara jeti, pelabuhan perikanan dan kompleks pendaratan ikan.

“Mekanisme pemantauan sedia ada melibatkan kerjasama antara LKIM Negeri, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dan pihak berkuasa tempatan untuk mengesan serta mengambil tindakan segera terhadap sebarang aduan berhubung penguasaan atau amalan yang menekan perusahaan kecil.

“Buat masa ini, mekanisme pemantauan sedia ada dilihat sebagai langkah yang lebih praktikal dan cepat untuk dilaksanakan,” katanya di Dewan Rakyat.

Menurut Mohamad, sebanyak 48 buah kompleks atau labuhan perikanan di seluruh negara termasuk empat buah kompleks di Negeri Johor bagi menyediakan kemudahan kepada nelayan untuk mendaratkan hasil tangkapan mereka.

Katanya, pengurusan dan pengoperasian kompleks serta labuhan ini adalah berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Kompleks Perikanan, Labuhan Perikanan dan Jeti Pendaratan Ikan) tahun 2010, yang turut menetapkan kadar caj yang dikenakan.

“Penyewaan lot-lot premis dan penggunaan kemudahan di kompleks atau labuhan ini juga terbuka kepada pelabur dan pemain industri perikanan tempatan,” katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2025	HARIAN METRO	BISNES	23



TUANNU Syed Faizuddin Putra (tiga dari kiri) berkenan menyampaikan Anugerah Canselor (Martabat Al-Syaraf Al-Ula) yang ditaja Agrobank kepada Muhaimin (dua dari kiri).

Agrobank taja graduan cemerlang UniSIRAJ

Kuala Lumpur: Agrobank terus memperkukuh peranan dalam pembangunan modal insan negara apabila menaja graduan cemerlang Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ).

Muhaimin Abdul Hamit menerima tajaan bernilai RM3,000 daripada Agrobank selepas beliau dipilih sebagai penerima Anugerah Canselor sempena Majlis Konvokesyen UniSIRAJ kelapan.

Muhaimin, graduan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Al-Quran dan Sunnah de-

ngan Kepujian dari Fakulti Al-Quran dan Sunnah (FQS), mencatat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.84 sehingga melayakkan beliau menerima pengiktirafan tertinggi universiti itu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, tajaan itu adalah manifestasi komitmen berterusan bank berkenaan dalam menyokong pembangunan modal insan negara.

"Sebagai institusi kewangan pembangunan, Agro-

bank komited untuk terus menyokong kecemerlangan akademik.

"Kami merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada graduan cemerlang ini atas pencapaiannya yang luar biasa," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, pendidikan berkualiti mampu membuka peluang masa depan lebih cerah serta menjadi pemangkin transformasi kehidupan.

"Kecemerlangan graduan bukan sahaja memberi manfaat kepada individu, tetapi turut membantu mengubah nasib keluarga

dan menginspirasi pelajar lain untuk terus mengejar impian mereka," katanya.

Agrobank berkata, pihaknya berbesar hati menaja graduan berpotensi sebagai usaha memperkasa golongan muda, selain berharap dapat memperluaskan penyertaan dalam program tajaan pelajar pada masa hadapan.

Anugerah berprestij itu disampaikan Raja Muda Perlis merangkap Canselor UniSIRAJ, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Selangor to expand land for agriculture, improve crop production



Izham says the state government is in the midst of allocating more land for farming and cultivating high-value crops.

SELANGOR is actively identifying more than 2,000ha of land at 22 locations for agricultural activities to enhance crop production.

State infrastructure and agriculture committee chairman Datuk Izham Hashim said this was among several long-term strategies being taken to improve and ensure consistent supply of food in Selangor.

"The state government is in the midst of allocating more land for farming and cultivating high-value crops.

"This is in addition to new agricultural land being developed in Sungai Air Tawar, Changkat Menteri, Sekinchan

and Olak Lempit – in total spanning 500ha," he said during the Selangor State Assembly sitting at Bangunan Dewan Negeri Selangor in Shah Alam yesterday.

Dr Mohd Zamri Mohd Zainuddin (PN-Sungai Burong) had asked about Selangor's strategies to ensure food security in the state.

Elaborating, Izham said the state government was working with 200 community farms on seeding and breeding initiatives.

He said many industry players were not keen to take on such activities due to high costs and late financial returns.

"This is why state intervention

is needed.

"We are working with the Federal Government, government-linked companies and various private companies to carry out initiatives to seed coconut, papaya, corn and breed tiger prawn and Barbados Black Belly sheep, among others," he said.

To cushion the shock of food shortage, Izham said the Selangor Food Warehouse was introduced to stockpile essential food items.

These comprise rice, meat, poultry and fish – enough to feed 15% of Selangor's population for a month, he added.

According to Izham, Selangor received RM30.46mil from the Agriculture and Food Security Ministry to undertake various programmes this year.

Part of the funds, he said, were disbursed to farmers in the form of machines such as transplanters and combine harvesters to improve yield.

"The state government also provides additional funds for farmers to buy equipment for padi cultivation using both organic and conventional methods.

"We are hopeful that the ministry will give more funds next year, following the success of our programmes in 2025."

Project modernises Sabah agriculture

KOTA BELUD: A decade ago, *padi* farmers in Tempasuk, a state constituency in Kota Belud district on Sabah's west coast, still relied on traditional methods such as water buffalo ploughing and bamboo rakes.

The slow, uneven process kept *padi* yields low, averaging just 2.2 tonnes per hectare.

But the landscape changed drastically with the introduction of the Smart Large-Scale Padi Field programme in 2022, marking a turning point in modern agriculture for the Land Below the Wind, Bernama reported.

Kampung Jawi-Jawi programme head Adlin Muhammad, 51, said progress accelerated once Padiberas Nasional Berhad (Bernas) introduced modern technology and structured farm management to 19 farmers

ensuring steady gains. The programme has also attracted youth back to agriculture, with around 30 young people set to be trained to develop 20ha next year.

The strategic initiative by the Agriculture and Food Security Ministry aims to boost rice production, raise farmers' income and strengthen national food security through modern technology and integrated management.

With strong government support, modern tools and higher yields, Kampung Jawi-Jawi and Tempasuk, have become model examples of how the programme could lift rural livelihoods.

Tempasuk, with 17,116 voters, will see a seven-cornered contest in the 17th Sabah state election.

the programme with 88ha and more than 50 participating farmers, transforming Tempasuk into Sabah's rice bowl.

Kampung Kesapang programme head Jafly Latu, 62, said yields jumped from 1.5 tonnes to between four and five tonnes per hectare, helping farmers clear debts.

"The key reason we joined was because Bernas covers 100% of input costs, including seeds, fertiliser and pesticides. Farmers no longer take home IOU (debt) slips, instead they take home cash now," he said, adding that many even keep their own rice for family consumption.

"We prefer our own rice. It simply tastes better."

Jafly said Bernas conducts field visits every two weeks to manage pests, diseases and water supply,

spraying, replacing labour-intensive manual methods.

"Bernas also standardised pesticide selection and ensured machinery shortages were addressed by scheduling harvesters in advance and sending produce directly to partnered mills.

"The biggest benefit is reducing dependence on manual labour. Previously, everything was done by hand. Now, the work is easier, more organised, and yields have nearly doubled."

The village's success has inspired others. Kampung Kesapang joined

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	26

Fenomena pelik sungai cetek semasa tengkujuh

PARIT: Penduduk di tepi Sungai Perak di sini terkejut dengan keadaan sungai yang cetek ketika musim tengkujuh.

Fenomena itu dikatakan berlaku sejak beberapa hari lalu dan ia dapat dilihat dengan ketara di kawasan rekreasi tumpuan orang ramai yang dikenali 'padang koba' di Teluk Bakong, Lambor Kanan dekat sini.

Tinjauan mendapati air sungai cetek sehingga menampakkan beting pasir yang luas hingga ke tengah sungai, keadaan yang biasanya berlaku semasa musim panas.

'Padang koba' merupakan padang ragut yang mempunyai pemandangan yang menarik dan pernah menjadi lokasi penggambaran filem termasuk filem Mat Kilau.

Seorang penduduk Azizan Ahmad Bohan, 73, berkata, keadaan itu tidak pernah berlaku kerana biasanya pada hujung tahun sepatutnya air sungai naik disebabkan musim hujan.

"Kami hairan kerana air sungai makin cetek sehingga nampak beting pasir di kawasan ini. Malah kalau berja-



PENDUDUK berjalan di atas beting pasir yang timbul semasa air Sungai Perak surut di kawasan yang dikenali 'padang koba' di Teluk Bakong, Lambor Kanan dekat Parit, Perak semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

lan kaki meredah sungai boleh sampai ke kampung seberang iaitu Kampung Teluk Kepayang.

"Keadaan ini agak pelik kerana biasanya air Sungai Perak naik pada musim tengkujuh di hujung tahun tapi ketika ini air sungai surut," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Seorang nelayan sungai, Mohd. Fairus Abdullah, 31, berkata, air sungai yang cetek sehingga menampakkan beting pasir menyukarkan pergerakan bot.

Namun menurutnya, setakat ini keadaan itu tidak menghalang nelayan daripada terus menangkap ikan.

Terengganu sasar jadi hab eksport hasil tani

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Terengganu menyasarkan untuk membangunkan negeri itu sebagai hab pengumpulan dan pengeksport produk pertanian serta penternakan dalam usaha meningkatkan nilai ekonomi dan daya saing sektor agro.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dato' Dr Azman Ibrahim berkata, kerajaan negeri kini memberi tumpuan kepada usaha mempermudah urusan pelabur besar seperti McCormick untuk menggunakan fasiliti sedia ada termasuk kemudahan pelabuhan bagi tujuan eksport.

Menurut beliau, Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn Bhd (TADC) akan diperkasakan sebagai pusat sehenti bagi pengumpulan, pemasaran dan seterusnya pengeksportan hasil tani bagi meningkatkan kecukupan rantaian bekalan.

"Selain itu, kerajaan turut menyediakan pelbagai kemudahan kepada pemain industri tempatan seperti Kaprima Susu Kambing dan Koperasi Melon Manis Terengganu bagi membantu mereka meningkatkan kapasiti pengeluaran produk," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Dr Tengku Muhammad Fakhrudin Tengku Md Fauzi (PAS-Sura) pada Persidangan Dewan Undangan Negeri



Dr Azman Ibrahim

Terengganu di Wisma Darul Iman, di sini, pada Khamis.

Terdahulu, TADC telah memohon peruntukan sebanyak RM93 juta daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Ekonomi di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) bagi tahun 2026 untuk menubuhkan Pusat Fasiliti Agro Hijau Bersepadu (Integrated Green Agro Facilities) di Kawasan Perindustrian Telok Kalong, Kemaman.

Pusat berkenaan akan menempatkan beberapa kemudahan utama termasuk Pusat Transit dan Kuarantin Haiwan Ternakan, Pusat Pengumpulan dan Pembungkusan Hasil Tani, Gudang Penyimpanan Input Pertanian, Gudang Penyimpanan Produk Sejuk Beku, Bangunan Operasi dan Pemeriksaan, serta Sistem Integrasi Solar.



Buletin DARULNAIM

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Revolusi akuakultur dan teknologi hijau Danau To' Uban

Oleh NORZANA RAZALY

PEMBANGUNAN kawasan ternakan akuakultur di Danau To' Uban di Pasir Mas secara jelas menzahirkan keupayaan Kerajaan Negeri Kelantan merangka dasar pertanian air yang konsisten, moden dan berpaksikan kesejahteraan rakyat. Sejak dimulakan pada 2010, projek ini berkembang daripada inisiatif komuniti kepada ekosistem pengeluaran komersial yang tersusun, sekaligus meningkatkan Danau To' Uban sebagai nadi ekonomi baharu bagi desa setempat.

Di bawah kepimpinan Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Negeri Kelantan Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, pembangunan di Kawasan ini mendapat perhatian kerana pendekatannya yang menyeluruh: dasar yang stabil, bantuan yang tersusun dan pemantauan berterusan yang memastikan setiap intervensi memberi pulangan nyata kepada masyarakat.

Pertumbuhan pengeluaran

Trajektori pengeluaran empat tahun kebelakangan ini menunjukkan peningkatan konsisten yang menggambarkan keberhasilan perancangan:

Tahun	Pengeluaran
2021	110 tan metrik
2022	157 tan metrik (RM0.928 juta)
2023	192 tan metrik
2024	227 tan metrik (RM1.8 juta)

Pertumbuhan purata sekitar 20 peratus setahun ini munculkan hasil gabungan infrastruktur moden seperti sangkar besi galvanized, benih berkualiti, rumah operasi dan sokongan logistik yang diperkemas. Bilangan penternak aktif kini mencecah 86 orang, mengusahakan 725 sangkar meliputi 8,907 m².

Fenomena lazim projek desa ialah sangkar bertambah tetapi hasil tidak meningkat tidak berlaku di Danau To' Uban. Sebaliknya, dasar negeri membolehkan kesan yang selari iaitu infrastruktur naik, hasil meningkat. Inilah bukti bahawa intervensi kerajaan negeri bukan bersifat kosmetik, sebaliknya benar-benar mengubah daya saing industri.

Pemudah cara kemajuan dan keadilan akses

Pengisytiharan kawasan seluas 40 hektar atau sebahagian dari Kawasan Danau To' Uban sebagai ZIA pada 2021 menjadi titik perubahan penting bagi menyusun semula ekosistem akuakultur desa. Pada tahun 2023, lokasi ternakan di Kawasan ini menerima pelbagai kemudahan strategik termasuk sangkar galvanized, rumah operasi, benih ikan dan lain-lain sekali gus menjadikan ZIA sebagai instrumen tadbir urus yang memudahkan:

1. Standardisasi infrastruktur kerana sangkar galvanized lebih tahan arus dan banjir, mengurangkan risiko kerugian.
 2. Akses bantuan yang telus dan sistematik kerana proses agihan lebih teratur antara negeri dan persekutuan.
 3. Pembentukan ekosistem seragam kerana kualiti pengeluaran meningkat, jurang kemahiran mengecil dan pemasaran lebih mudah.
- Hasilnya, pendapatan penternak kecil meningkat, dan Danau To' Uban tampil sebagai model pembangunan desa berasaskan kesaksamaan akses.

Impak sosioekonomi

Nilai industri yang mencecah RM1.8 juta pada 2024 menjadikan akuakultur To' Uban sebagai sumber pendapatan utama. Limpahan ekonominya jelas meresap ke dalam struktur masyarakat.



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail

kat melalui pengembangan rantaian nilai tempatan (pembekal makanan ikan, pengangkutan, mekanik sangkar) dan peningkatan minat belia terhadap akuakultur moden yang tidak memerlukan tanah luas.

Tidak terkecuali, kluster penternak yang tersusun, mewujudkan jaringan sokongan teknikal, termasuklah kestabilan pendapatan keluarga dan peluang perusahaan mikro baharu.

Model ini seiring visi Kelantan Sejahtera yang menekankan pembangunan ekonomi rakyat yang seimbang dan bermaruah.

Pemantapan lokasi ketiga ke dalam ZIA

Kampung Rasal Danau To' Uban-Sungai Lemal merupakan penyumbang terbesar hasil nelayan darat. Lokasi ini menyumbang lebih 60 peratus hasil keseluruhan.

Rekod pada tahun 2022 mencatatkan pengeluaran 117 tan dan meningkat 22 tan pada tahun 2023 menjadi 139 tan, seterusnya 157 tan pada tahun 2024 melalui penglibatan 56 penternak yang mengusahakan 385 sangkar.

Cadangan untuk penyer-taan aktiviti di Lokasi ini ke dalam ZIA dilihat sebagai salah satu langkah strategik bagi menyeragamkan standard keseluruhan Danau To' Uban, memudahkan pengurusan risiko dan mempercepat sasaran 1,000 sangkar dan 160 penternak menjelang 2030.

Langkah ini juga diyakini berpotensi menjadikan pembangunan seluruh danau lebih holistik dan bertaraf industri.

Potensi destinasi agro-ekopelancongan

Keindahan Danau To' Uban membuka potensi besar sebagai destinasi agro-ekopelancongan. Perairannya yang luas dan tenang, susunan sangkar yang rapi, serta komuniti yang mesra pelawat membentuk latar ideal bagi aktiviti rekreasi, edukasi dan penjualan hasil segar.

Pembangunan laluan pejalan kaki, pusat interpretasi, restoran terapung dan kios produk hiliran dapat menambah pendapatan lanjutan untuk penternak dan belia setempat. Ini menjadikan akuakultur platform pendidikan dan pelancongan komuniti.

Sambungan dasar dengan realiti rakyat

Kebekerkesanan portfolio yang diterajui Dato' Tuan Mohd Saripudin terbukti melalui dasar berterusan sejak 2019 yang responsif kepada keperluan lapangan, pemodenan infrastruktur yang menaikkan profesionalisme industri dan fungsi ZIA sebagai alat penyelarasan antara kerajaan dan penternak.

Pendekatan ini menunjukkan bahawa kejayaan Danau To' Uban bukan kebetulan, tetapi lahir daripada perancangan rapi dan kepimpinan yang dekat dengan denyut nadi rakyat.

Teknologi Hijau DTU melengkapkan ekosistem

Kejayaan akuakultur Danau To' Uban disempurnakan dengan pengiktirafan dunia terhadap Loji Tenaga Solar Tera-

pung Danau Tok Uban (DTU), pemenang GPM Project of the Year 2025.

Di bawah portfolio Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, Dato' Wan Roslan Wan Hamat, projek ini dipilih kerana kesan kelestariannya yang menyeluruh, biodiversiti yang meningkat dan sinerginya dengan komuniti serta industri akuakultur.

Kombinasi teknologi hijau, industri makanan moden dan ekopelancongan desa, Danau To' Uban kini muncul sebagai model transformasi luar bandar yang memepati ciri negeri berkeadilan yang membina kekuatan ekonomi tanpa mengabaikan kelestarian dan keseimbangan alam.

Kesimpulannya, pembangunan Danau To' Uban sebagai Zon Industri Akuakultur dan hab teknologi hijau membuktikan bahawa dasar yang dirancang dengan teliti mampu mengangkat maruah ekonomi desa dan memperkukuh struktur sosial komuniti.

Kejayaan pertumbuhan hasil, pemodenan infrastruktur, peningkatan pendapatan penternak serta peluasan potensi ekopelancongan bukanlah pencapaian spontan, tetapi hasil kepimpinan kerajaan negeri yang konsisten, responsif dan berpaksikan kepentingan rakyat.

Menerusi pendekatan tadbir urus yang menggabungkan kesaksamaan akses, penyeragaman standard, pembangunan teknologi hijau dan penyertaan aktif belia, Kelantan membuktikan bahawa pembangunan desa boleh maju sejajar dengan inovasi global.

Danau To' Uban kini mampu menjadi contoh kejayaan akuakultur moden, bahkan simbol transformasi berfasa yang menghubungkan dasar negeri yang menyeimbangkan pembangunan fizikal dengan keutuhan komuniti dan kelestarian alam.

Malaysia cadang dulu, Indonesia dakwa lebih layak

Selepas nasi lemak, popia dan rendang, buah durian pula jadi pertikaian

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI dan MUHAMMAD SHAMSUL ABD GHANI SHAH ALAM



ABD RAHMAN



Permohonan menjadikan durian sebagai buah kebangsaan Malaysia sudah diserahkan kepada kementerian. - Gambar hiasan

Cadang pengeluar durian tempatan untuk mengangkat buah tersebut sebagai buah kebangsaan Malaysia menimbulkan pertikaian negara jiran, Indonesia apabila mereka mendakwa lebih layak memegang gelaran tersebut.

Dakwaan itu turut menimbulkan perdebatan dalam kalangan warga Malaysia kerana sebelum ini negara tersebut pernah menuntut juadah, antaranya nasi lemak, popia dan rendang, sebagai makanan kebangsaan mereka.

Kerajaan Indonesia mendakwa negara-nya mempunyai asas yang jauh lebih kukuh berbanding Malaysia untuk menobatkan durian sebagai buah kebangsaan berdasarkan data pengeluaran dan kepelbagaian spesies yang dimiliki.

Menteri Penyelaras Urusan Pangan Indonesia, Zulkifli Hasan berkata, berdasarkan data Badan Pusat Statistik (BPS), pengeluaran durian di Indonesia pada 2024 jauh mengatasi Malaysia.

"Indonesia menghasilkan hampir dua juta tan durian pada 2024. Angka ini jauh lebih tinggi berbanding Malaysia. Dengan fakta ini, saya percaya durian ialah Buah Kebangsaan Indonesia," katanya.

Zulkifli juga menegaskan, durian bukan sekadar komoditi pertanian tetapi warisan budaya serta sumber rezeki jutaan petani di Indonesia.

Data BPS menunjukkan Indonesia mengeluarkan 1.96 juta tan durian pada 2024, angka tertinggi dalam tempoh lima tahun dengan tumpuan pengeluaran di Jawa, Sumatera, Kalimantan dan Sulawesi.

Beberapa laporan serantau pula menyatakan Malaysia menghasilkan jumlah yang lebih rendah, walaupun nilai eksportnya meningkat menerusi varieti premium

seperti musang king.

Sebelum ini, Persatuan Pengilang Durian (DMA) yang mewakili pengeluar durian tempatan telah mencadangkan durian sebagai buah kebangsaan Malaysia.

DMA secara rasmi sudah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk menetapkan durian sebagai buah kebangsaan.

Jelas Presiden DMA, Eric Chan, beberapa varieti premium Malaysia seperti musang king (D197), black thorn (D200) dan D24 telah menerima pengiktirafan antarabangsa, menjadikan Malaysia antara pengeluar durian berkualiti tinggi dunia.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Nor Sam Alwi turut mengesahkan bahawa kementerian sudah menerima permohonan rasmi DMA tersebut, namun menegaskan bahawa penetapan buah kebangsaan memerlukan kajian menyeluruh.

Autoriti

Sementara itu, pakar pertanian, Dr Abd Rahman Jabir Mohd Din berkata, hasrat Indonesia atau mana-mana negara untuk menobatkan durian sebagai buah kebangsaan tidak boleh dibuat secara sepihak tanpa pengiktirafan badan ketiga yang berautoriti.

"Kalau mahu menuntut durian ialah buah kebangsaan mereka, Indonesia mesti mem-

punyai asas kepada dakwaan itu.

"Dalam perkara ini, negara itu dakwa ia berdasarkan data pengeluaran dan kepelbagaian spesies yang dimiliki. Jadi, kena ada badan mengiktiraf dakwaan mereka.

"Kalau sekadar dakwaan sahaja tanpa ada pengiktirafan daripada pihak tertentu yang berkaitan, maka boleh dikatakan ia sekadar 'jaguh kampung'," katanya kepada Sinar Harian pada Rabu.

Abd Rahman yang juga Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Inovasi Agroteknologi untuk Bioproses Termaju (ICA) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagaimanapun tidak menolak kemungkinan hasrat Indonesia yang mahu menobatkan durian sebagai buah kebangsaan mempunyai kaitan dengan strategi ekonomi.

"Mungkin asasnya untuk tarik pelancong. Jadi, apabila negara itu buat begitu, ada satu 'wow factor' yang menyebabkan pelancong datang untuk merasa durian.

"Tapi hakikatnya negara-negara ASEAN seperti Thailand, Indonesia dan Malaysia ada persamaannya. Kita raikan persamaan dan cuba cari titik lain yang kita boleh tonjolkan selain daripada durian," ujarnya.

Beliau juga tidak menafikan dari segi produktiviti pengeluaran durian, Malaysia berada di tempat ketiga selepas Thailand dan Indonesia.

Katanya, ia kerana Indonesia sememangnya mempunyai tanah yang luas bagi penanaman durian.

PASARAN DURIAN MENGIKUT NEGARA DI ASIA TENGGARA

Thailand

(Pemain eksport utama)

- Kekal pengeluar dan pengeksport terbesar durian, namun bersaing dengan Malaysia dan Vietnam.
- Laporan menunjukkan eksport durian bernilai berbilion dolar Amerika Syarikat (AS). Contohnya, AS\$1.8 bilion untuk lima bulan pertama 2023 dan sasaran eksport tahunan yang jauh lebih tinggi.



Malaysia

(Pengeluar durian premium)

- Terkenal dengan varieti premium seperti musang king dan duri hitam.
- Dieksport ke lebih 40 negara dan nilai eksport meningkat. Dilaporkan RM1.51 bilion pada 2023 sebelum sedikit susut tahun berikutnya.



Vietnam

(Peningkatan pantas pengeksport)

- Mengeksport hampir 600,000 tan durian pada 2023 dengan nilai sekitar AS\$2.1 bilion.
- Ia menjadikan durian sebagai komoditi eksport buah terpenting untuk beberapa tahun kebelakangan ini.



Indonesia

(Pengeluar besar tetapi lebih tertumpu kepada domestik)

- Pengeluaran dilaporkan sekitar 1.83 juta tan pada 2023.
- Tetapi kebanyakan untuk pasaran domestik dan menyasarkan untuk peningkatan eksport termasuk hasrat mengeksport ke China.



Filipina

(Peningkatan eksport dari Davao)

- Penghantaran dari Davao meningkat, misalnya 5,443 tan dalam tempoh Januari hingga September 2023.
- Eksport durian segar dan beku dengan pasaran utama termasuk China, Hong Kong dan AS.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

TPM saran pertingkat kerjasama dengan ahli perniagaan China



Nilai eksport durian Malaysia pada tahun 2030 dijangka mencecah RM1.8 bilion. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyarankan agar kerjasama lebih erat dengan ahli perniagaan China bagi meningkatkan aktiviti hiliran dan perluasan ladang durian musang king di Malaysia.

Beliau berkata, durian Malaysia mempunyai potensi besar dan mendapat sambutan yang kukuh di negara Tembok Besar itu.

"Diplomasi durian bukan sekadar diplomasi, ia perniagaan durian. Kita perlu bekerjasama dengan ahli perniagaan China untuk menambah lagi ladang mu-

sang king di Malaysia dan kita harus berganding bahu untuk membangunkan sektor hiliran," katanya dalam ucapan perasmian Sidang Kemuncak Ekonomi & Teknologi Cina Global 2025 di Wisma MCA pada Rabu yang turut dihadiri Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong dan Duta Besar China ke Malaysia, Ouyang Yujing.

Tahun lepas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, eksport durian Malaysia ke China telah mencecah hampir RM1 bilion.

Angka itu dijangka meningkat dengan ketara memandangkan jumlah berkenaan ketika ini hanya

melibatkan satu atau dua wilayah di China.

Bulan lepas, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memaklumkan bahawa Malaysia telah mengeksport durian segar serta durian dalam bentuk *pulp and paste* berjumlah 115,359 tan metrik dengan nilai RM6.37 bilion ke pasaran China dari 2018 hingga 2025.

Kementerian itu turut menambah bahawa nilai eksport durian Malaysia pada tahun 2030 dijangka mencecah RM1.8 bilion, melibatkan jumlah eksport sebanyak 69,000 tan metrik. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	3

Kualiti buah lebih penting berbanding data pengeluaran



KHAIDIR



NICKY

KUANTAN - Pengusaha kebun durian di negeri ini tidak menganggap dakwaan bahawa Indonesia mempunyai asas lebih kukuh berbanding Malaysia untuk menobatkan buah tersebut sebagai satu isu.

Sebaliknya mereka berpandangan, ia adalah hak mana-mana negara termasuk negara jiran itu untuk berkata demikian.

Pengusaha dusun durian di Kampung Durian Tikus, Temerloh, Khaidir Ahmad, 63, berkata, setiap negara berhak untuk menentukan simbol kebangsaan masing-masing termasuk durian sebagai buah kebangsaan.

Menurutnya, langkah tersebut berbeza dengan status atau kedudukan sebagai negara pengeluar atau pengeksport utama durian dunia.

"Soal ini tidak boleh ditentukan sesuka hati, sebaliknya ia perlu ditentukan dengan data yang sebenar. Kalau dikira, Thailand lebih layak kerana negara itu pengeluar utama dengan nilai eksport durian paling tinggi, diikuti Malaysia.

"Tapi kita atau Thailand tidak pernah kata durian itu sebagai buah kebangsaan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Rabu.

Khaidir yang menanam hampir 300 pokok durian termasuk varieti premium seperti musang king, IOI, D24 serta duri hitam bagaimanapun berkata, beliau lebih pentingkan kualiti dan nilai pengeluaran durian berbanding melihat data pengeluaran untuk menentukan negara yang lebih layak.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pengusaha Tanaman Industri Daerah Raub, Nicky Koh Kuan Heng berkata, tindakan Indonesia itu lebih kepada mempromosikan industri durian di negara tersebut.

Menurut beliau, industri durian semakin berkembang di banyak negara termasuk di Asia Tenggara dengan pasaran tinggi ke China dan beberapa negara lain.

"Bagi saya, isu buah kebangsaan ini tidak penting, sebaliknya keutamaan lebih kepada kualiti dan rasa buah itu sendiri.

"Kita bangga dengan musang king, duri hitam dan bermacam lagi durian varieti premium yang mendapat permintaan tinggi dalam dan luar negara," ujarinya.

Beliau bagaimanapun berkata, tanah di Malaysia antara yang paling sesuai untuk tanaman durian berbanding Indonesia.

"Banyak durian musang king ditanam di Indonesia tapi kualiti dan rasanya tidak dapat menandingi musang king yang ditanam di negara ini," katanya.